

17 MAR 2002

IMRAN PUJI DR MAHATHIR KERANA PERTAHANKAN HAK ORANG ISLAM

DUBAI, 17 Mac (Bernama)-- Bekas bintang kriket yang kini berkecimpung dalam bidang politik Imran Khan memuji Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad kerana mempertahankan hak orang Islam.

Khan, pemimpin parti pembangkang Tehrik-e-Insaf (Pergerakan Keadilan) di Pakistan, berkata negara-negara Islam perlu menyuarakan bantahan mereka terhadap pencabulan hak asasi orang Islam.

Dr Mahathir dan Putera Mahkota Arab Saudi Abdullah bin Abdul Aziz telah memperjuangkan nasib orang Islam dan kedua-dua pemimpin patut "menyelaraskan usaha" dalam mempertahankan orang Islam di tempat-tempat seperti Palestin dan Chechnya, kata ahli politik Pakistan itu kepada pemberita di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) semalam.

Beliau menggambarkan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebagai sebuah badan yang "penakut" dan berkata suara orang Islam tidak dipedulikan di Barat kerana ianya "tidak selaras dan tidak selari."

Beliau mengutuk kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin dan berkata regim Yahudi itu melanggar semua undang-undang antarabangsa berikutan

"sokongan daripada Zionis yang kuat di Amerika Syarikat."

"Jika dilancarkan perang terhadap keganasan, dengan itu semua bentuk keganasan perlu dikutuk. Saya menentang cara Amerika Syarikat dalam mengendalikan keganasan," kata Imran.

-- BERNAMA

SH DC RHM